



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**KEPUTUSAN MESYUARAT AHLI PERBADANAN BIL. 5/2021**

**Petaling Jaya, 26 Mei 2021** – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ingin memaklumkan akan keputusan-keputusan penting yang diambil berdasarkan Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS Bil. 5/2021 yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Zakaria Abdul Hamid, Pengerusi FINAS. Keputusan-keputusan adalah seperti berikut:

- I. Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS bersetuju akan cadangan penganjuran Festival Filem Malaysia ke-31 (FFM31) dijangka pada Oktober 2021 dengan konsep norma baharu dalam meminimumkan risiko keselamatan dan mengekang penularan pandemik COVID-19.
- II. Ahli Perbadanan FINAS juga mengambil maklum akan tindakan perundangan yang diambil ke atas 39 buah syarikat yang gagal menyiapkan penerbitan filem di bawah inisiatif Dana Kandungan Digital (DKD) seperti yang dilaporkan sebelum ini. Butiran tindakan perundangan yang diambil adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Status Tindakan</b>	<b>Bilangan Syarikat/ Individu</b>
1.	Tindakan surat peringatan	1 individu
2.	Tindakan pengeluaran notis penamatan dan tuntutan	11 syarikat
3.	Tindakan perundangan kategori Mikro	17 individu
4.	Projek untuk tindakan perundangan	4 syarikat
5.	Projek dalam siasatan SPRM	5 syarikat
6.	Projek bermasalah	1 syarikat

**UNTUK EDARAN SEGERA**

- III. Bagi memastikan kelestarian sektor industri kreatif negara, FINAS menyokong penuh terhadap cadangan pemerkasaan Dasar Perfileman Negara selaras dengan kepesatan kandungan kreatif negara.
- IV. FINAS juga ingin memaklumkan bahawa permohonan yang melibatkan 10 buah persatuan industri kreatif di bawah Program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia - *Malaysian Creative Capacity Enhancement Programme* (MyCAP) telah diluluskan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pelulus MyCAP Bil. 2/2021. Senarai persatuan yang diluluskan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

Untuk makluman lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat FINAS di talian 03-7968 2182 atau e-mel di [info@finas.my](mailto:info@finas.my).

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**  
**26 Mei 2021**

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI PERSATUAN DI BAWAH PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI KREATIF  
MALAYSIA - *MALYSIAN CREATIVE CAPACITY ENHANCEMENT PROGRAMME*  
(MyCAP) YANG DILULUSKAN**

1. Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia
2. Yayasan Artis Veteran Malaysia
3. Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia
4. Pertubuhan Pencipta Kandungan Kreatif Digital Malaysia
5. Persatuan Profesional Jurusolek dan Solekan Kesan Khas Filem dan TV
6. Pertubuhan Karya Sutradara Sinematik Malaysia
7. Persatuan Audio Malaysia
8. Persatuan Dokumentari Malaysia
9. Persatuan Seniman Malaysia
10. Persatuan Sinematografer Malaysia